



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB PUAN HANNAH YEOH

**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

MESYUARAT KOLABORATIF KEBANGSAAN YANG KE-21

[NATIONAL COLLABORATION MEETING (#NCM21)]

BERTEMAKAN SOSIAL ENTERPRISE KE ARAH BUDAYA

PROFESIONALISME DAN KEUSAHAWANAN

18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)

2.30 PETANG

(SALUTASI)

Yang Berhormat Datuk Ginnie Lim Siew Lin

Exco Wanita, Kebajikan & Pembangunan Luar Bandar,
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Yang Berbahagia En. Zulkifli Bin Ismail

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
(JKMM)

Yang Berbahagia Encik Arfan Sulaiman

Pengarah Bahagian Kanak-kanak Jabatan Kebajikan
Masyarakat Malaysia (JKMM)

Yang Berbahagia En. Burhanuddin Bin Bachik

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka

Yang Berusaha Puan Anisa Binti Ahmad

Presiden Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM)

dan barisan EXCO

Yang Berusaha Puan Siti Fahizan Abd Rahaman

Presiden Persatuan Pengasuh Negeri Melaka (PPNM)

Wakil-wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN)

Presiden - Presiden Negeri dan Daerah

Para Moderator dan Rapporteur

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

Salam sejahtera dan selamat petang semua.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) serta Persatuan Pengasuh Berdaftar Melaka (PPNM) yang mengambil inisiatif menganjurkan Mesyuarat Kolaboratif Kebangsaan Yang Ke-21 di Melaka.
2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua Persatuan TASKA negeri dan daerah dari seluruh negara yang turut hadir pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

3. Tentunya Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan minggu lepas memberi berita gembira buat kita semua. Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mendapat **peruntukan RM30 juta untuk menubuhkan lebih banyak TASKA di Tempat Kerja** terutamanya di hospital dan kuarters guru. Menerusi Belanjawan 2019, KPWKM telah diperuntukan RM10 juta dan kita berjaya menubuhkan 66 buah TASKA berbanding cadangan asal sebanyak 50 buah sahaja.

4. Perkhidmatan TASKA bukanlah suatu perniagaan yang mudah dijalankan dan tidak pula memberi pulangan yang besar kepada pengusaha. Di pihak Kementerian, kami amat memahami cabaran yang dihadapi oleh pengusaha TASKA terutamanya melibatkan urusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi Kerajaan. Kami sangat menghargai peranan anda semua termasuklah **26 buah Persatuan TASKA di seluruh negara** yang berada dalam industri ini. Tanggungjawab yang

sedang anda pikul hari ini adalah sangat penting kerana ia melibatkan pendidikan awal kanak-kanak yang akan membentuk sendi utama masyarakat dan masa depan negara.

5. Oleh itu, kita menyambut baik usaha Kerajaan yang menyediakan Skim Jaminan Pinjaman Perniagaan (SJPP) yang berbentuk kemudahan pinjaman baharu sebanyak RM500 juta khusus untuk usahawan wanita. Malah, bagi mendorong wanita untuk kembali bekerja, mereka juga akan diberi insentif sebanyak RM500 sebulan selama 2 tahun manakala majikan pula layak mendapat RM300 sebulan bagi pengambilan pekerja untuk tempoh yang sama. Saya menyarankan ahli Persatuan dan para pengusaha dapat merebut peluang daripada insentif yang diumumkan ini.

6. Keperluan TASKA semakin meningkat dari semasa ke semasa, ini kerana kebanyakan ibu bapa hari ini semuanya keluar bekerja dan terpaksa meninggalkan anak mereka kepada pengasuh di TASKA. Sehingga Ogos 2019, hanya terdapat **4,744 buah TASKA sahaja yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).**

7. Jumlah ini hanya mewakili sekitar **11.9 peratus (%) sahaja berbanding keperluan TASKA bagi populasi kanak-kanak di bawah umur 4 tahun yang dianggarkan berjumlah 40,000 buah di seluruh negara.** Walaupun bilangan yang diperlukan masih terlalu jauh berbanding jumlah yang diperuntukan iaitu sebanyak RM30 juta, namun Kementerian berharap kita akan dapat menampung keperluan perkhidmatan ini sedikit demi sedikit setiap tahun.

8. Bagi menjamin keselamatan kanak-kanak di TASKA, Kementerian melalui JKM telah memperkenalkan satu sistem bagi **menyemak rekod pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak** dalam daftar kanak-kanak yang berkuatkuasa 1 April 2019. Namun, laporan yang direkodkan oleh JKM sehingga 30 September tahun ini, mendapati tiada sebarang semakan yang dibuat dari negeri Melaka.

Sidang hadirin yang dihormati,

9. Melalui Belanjawan 2020 yang dibentangkan, Kerajaan juga telah mencadangkan **gaji minimum ditingkatkan pada kadar RM1,200 sebulan** di wilayah bandar-bandar utama berkuat kuasa tahun hadapan. Biarapun ia satu peningkatan daripada RM1,100 yang diumumkan tahun lepas, ia masih satu cabaran besar buat ibu bapa yang mempunyai 2 atau 3 orang anak

malah pengumuman tersebut mempunyai beban yang tersendiri buat pengusaha TASKA.

10. Oleh itu, bagi meringankan beban pengusaha dan dalam masa yang sama dapat menggalakan pendaftaran TASKA dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), KPWKM dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah memperkenalkan inisiatif terbaharu iaitu pemberian **diskaun 20 peratus (%) bagi bil elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB)** kepada TASKA yang berdaftar dengan JKM.

11. Walau bagaimanapun buat masa ini, inisiatif ini hanya melibatkan sejumlah **3,398 buah TASKA yang berdaftar dengan JKM di Semenanjung Malaysia** sahaja. Kerajaan sedang meneliti untuk mengadakan

perbincangan dengan pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) agar pemberian diskaun ini akan turut sama dinikmati oleh pengusaha atau pemilik TASKA di Sabah dan Sarawak.

PENUTUP

12. Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada Persatuan dan pengusaha TASKA agar menyiapkan diri untuk berdepan dengan cabaran ekonomi semasa, berfikir secara professional dan mempunyai cita-cita untuk menjadi usahawan TASKA yang lebih berdaya saing. Sama-samalah kita tingkatkan pengetahuan mengenai teknologi terkini dan kemahiran keusahawanan yang boleh dimanfaatkan untuk perkhidmatan TASKA dalam negara.

13. Saya berharap mesyuarat yang akan diadakan selama tiga (3) hari ini berjalan lancar dan resolusi yang dibincangkan dapat memberi manfaat kepada perkembangan perkhidmatan TASKA di Malaysia.

14. Mengakhiri kata-kata tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan **Mesyuarat Kolaboratif Kebangsaan Yang Ke-21.**

Sekian, terima kasih.